

# Kepercayaan Kenan dalam Masyarakat Melayu: Kajian dari Perspektif Hukum Islam

Mohd Anuar Ramli<sup>1</sup>

Syamsul Azizul Marinsah<sup>2</sup>

*Universiti Malaya*

## Abstract

Every society has its own beliefs and taboos which control their members implicitly. Taboo is an oral tradition practiced mostly in Malay traditional society. In Malay society, there are several taboos. One of those taboos is *kenan*, which is closely related to pregnant women taboos. Basically, *kenan* is part of the process of cause and consequence, which is considered as incidental to whether an illness or disability suffered by a newborn baby is due to taboo violation by a parent when the baby was still in the mother's womb. The origin of *kenan* was derived from society's intention to preserve the relationship between man and nature, but eventually this intention has been misunderstood by later generations with lateral interpretations until it was known as taboos as well as superstitions among Malay-Muslims. This study attempts to scrutinize the concept of *kenan* and related discussions from the Islamic perspective and also medical views on that subject. The findings show that this taboo is regarded as *syirk*. Consequently this belief is prohibited for Malay-Muslim to practice in their daily life.

**Keywords:** taboo, *kenan*, Malay, superstition, medical

## PENGENALAN

Masyarakat Melayu terkenal dengan bangsa yang mempunyai banyak pantang larang dan peraturan yang tersendiri. Ia diwarisi secara turun-temurun, dari satu generasi kepada generasi yang lain tanpa diambil kira kedudukan amalan tersebut dari perspektif agama Islam. Kadang kala persoalan, sama ada perkara tersebut rasional atau tidak turut diketepikan. Kepelbagaiannya pantang larang ini pada dasarnya untuk menjamin keharmonian hidup bermasyarakat dan ia dijadikan sebagai peraturan untuk mengelak musibah dan menghalang sesuatu yang tidak baik dari berlaku. Niat murni ini adalah sesuatu yang baik namun amalan yang menjadi pantang larang tersebut memerlukan penelitian dari perspektif hukum Islam. Ini

<sup>1</sup> Pensyarah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam.

<sup>2</sup> Pelajar Pascasiswazah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam.

kerana, walaupun pantang larang ada kalanya memberi kebaikan ke atas masyarakat, amalan tersebut sewajarnya selari dengan ketetapan syariat Islam.

Antara pantang larang tersebut adalah berhubung dengan kenan. Ia berkait rapat dengan pantang larang yang perlu dijaga ketika tempoh kehamilan ibu, sama ada pihak ibu sendiri ataupun bapa. Pelanggaran terhadap pantang larang ini akan mengakibatkan kecacatan pada bayi yang dikandungi. Kepercayaan ini meresap kuat dalam masyarakat Melayu dengan pelbagai versi cerita. Di antaranya kenan katak, kenan ular, kenan monyet dan kenan kucing.

Sehubungan dengan itu, kajian ini akan membincangkan pengertian kenan dalam masyarakat Melayu berserta contoh yang telah berlaku, di samping status hukum kepercayaan kenan menurut perspektif syariat Islam. Kajian ini turut membincangkan sindrom-sindrom yang berkaitan dengan kenan dari perspektif perubatan.

## KONSEP KENAN MENURUT MASYARAKAT MELAYU

Kenan dalam masyarakat Melayu dapat difahami dalam pelbagai takrifan. Dari aspek etimologi, perkataan kenan merupakan istilah Bahasa Melayu. Menurut *Kamus Dewan*, perkataan kenan mempunyai dua pengertian (2010:738). Pertama, tanda atau cacat pada kulit, anggota, tubuh, dan lain-lain semenjak lahir lagi. Kedua, keganjilan tertentu pada gerak geri, kelakuan dan lain-lain seperti tangisan yang menyerupai salakan anjing atau keganjilan gerak geri seperti menyerupai kera. Berdasarkan pengertian literal tersebut, kenan merupakan keadaan bayi yang tidak sempurna dan biasanya dikaitkan dengan karakter dan fizikal binatang tertentu seperti monyet, katak, ular dan sebagainya.

Manakala dari aspek terminologi, terdapat pelbagai takrifan diutarakan dalam pengertian yang hampir sama. Menurut Amran Kasimin (1995:57) kenan adalah kecelakaan sama ada merupakan penyakit atau kecacatan yang dialami oleh bayi yang baru dilahirkan akibat melanggar pantang, yang dilakukan ibu atau bapa ketika bayi masih dalam kandungan. Ia boleh terjadi kerana perbuatan membunuh, menyeksa binatang atau si pelaku melakukan sesuatu dalam keadaan lupa dirinya sedang mengandung.

Pengertian ini selari dengan takrifan Anisah Barakkah (2007), Aziz Deraman dan Wan Ramli (1995), Skeat (1984), Redzuan Yunus (2008) dan Mohtar Mohd Dom (1977). Menurut mereka, suami isteri yang bakal menerima kehadiran cahaya mata diingatkan supaya tidak menyeksa atau membunuh binatang kerana dapat mengakibatkan kenan yang menyebabkan kecacatan pada bayi. Dipercayai, bayi yang bakal dilahirkan akan mengalami kecacatan menyerupai binatang yang diseksa, dianiayai atau dibunuh. Dalam hal ini, Mohtar Mohd Dom menyatakan:

“Keluarga atau orang yang mengandung tidak boleh menyeksa atau membunuh binatang. Ibu yang mengandung juga tidak boleh terperanjat atau mengenangkan


sesuatu benda yang keterlaluan. Sekiranya ini terjadi, anak dalam kandungan akan berlaku kenan atau cacat.” (1977: 17)

Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa kenan merupakan kesan atau akibat daripada perbuatan membunuh, menyeksa atau sebagainya yang dilakukan oleh ibu atau bapa dalam tempoh kehamilan ibu yang mengandung yang mana menyebabkan anak tersebut mengalami kecacatan yang serupa dengan binatang yang dianinya. Contohnya, jika suami membunuh seekor ular, dipercayai bayi yang bakal lahir akan mengalami masalah kulit bersisik seperti ular. Menurut Anis Barakkah, kepercayaan kenan ini bukan sahaja terdapat dalam kalangan orang Melayu, malah turut menjadi kepercayaan orang Asia secara amnya (2007:72-75).

Wan Ramli Wan Muhammad dan Hanapi Dolah (199:8) juga bersepakat bahawa kenan mungkin disebabkan oleh perbuatan ibu atau bapa yang menyeksa atau membunuh binatang. Namun beliau berpendapat bahawa kenan juga kemungkinan berlaku disebabkan perbuatan ibu hamil mencaci atau bercerita tentang kecacatan. Oleh itu anak yang bakal lahir akan kemungkinan terkena penyakit kenan.

Sementara itu, sarjana Barat yang mengkaji budaya Melayu tidak menggunakan satu istilah yang khusus atau spesifik mengenai kenan dalam Bahasa Inggeris. Dalam tulisan Winstedt (1925:47), beliau menyatakan bahawa terdapat satu *taboo* atau pantang larang dalam masyarakat Melayu yang mempercayai kecacatan yang dialami bayi sewaktu dilahirkan adalah disebabkan haiwan tertentu yang dikenali sebagai kenan seperti mana yang didakwa orang Melayu. Beliau menyatakan di dalam bukunya *Shaman, Saiva & Sufi: A Study of the Evolution of Malay Magic* bahawa, jika seorang suami cuba membuatkan atau mematahkan sayap seekor burung umpamanya sewaktu tempoh kehamilan isterinya, maka anak yang dilahirkan bakal mendapat risiko buta atau cacat pada anggota lengan disebabkan kerana perbuatan suami terhadap haiwan yang dizalimi tersebut. Menurut beliau juga bahawa tempoh tegahan ini selalunya pada bulan keenam daripada kandungan isteri iaitu ketika janin di dalam kandungan mempunyai bentuk bayi. Dalam tempoh ini, suami tidak dibenarkan memotong tumbuhan menjalar atau cuba membuang ikan yang melekat pada mata kail joran kerana dikhawatiri mulut bayi yang dilahirkan turut sumbing seperti mana ikan tersebut.

Ringkasnya, kepercayaan kenan melibatkan tiga pihak utama dalam proses sebab-akibat seperti Rajah 1 berikut:



Rajah 1: Proses Kenan

Berdasarkan Rajah 1 tersebut, kenan dalam masyarakat Melayu merupakan proses sebab-akibat yang mana ia melibatkan tiga entiti utama, iaitu ibu bapa, binatang dan bayi. Dalam peringkat awal, hubungan ibu bapa-binatang melibatkan bentuk interaksi yang negatif, iaitu penganiayaan dan kezaliman terhadap binatang. Pada peringkat ini, ia merupakan pelanggaran terhadap pantang larang dalam tempoh kehamilan ibu. Disebabkan pelanggaran ini, bayi yang dikandungi akan mengalami keadaan sepetimana binatang yang dizalimi. Akibatnya, bayi yang dilahirkan mengalami kecacatan dan tidak sempurna seperti bayi normal.

Justeru, kenan merupakan kepercayaan bahawa kecacatan yang dialami bayi akibat daripada perbuatan ibu mengandung atau suami yang telah melanggar pantang larang semasa tempoh kehamilan. Biasanya, kecacatan yang dialami bayi tersebut sama seperti dengan kecacatan yang dialami haiwan yang dianiyai dan dizalimi.

### **ISTILAH LAIN YANG SINONIM DENGAN KENAN**

Kenan dalam masyarakat Melayu juga dikenali sebagai *badi*. Dalam *Kamus Dewan* (2010:101) *badi* diuraikan dalam dua pengertian. Pertama, kesan buruk yang dialami oleh seseorang seperti sakit demam dan sebagainya kerana mendekati bangkai binatang atau orang yang mati terbunuh. Kedua, kelakuan luar biasa yang didapati pada masa dilahirkan yang mana biasanya menyerupai sesuatu jenis binatang seperti kera, anjing, dan sebagainya. Manakala maksud *badi* dalam *Kamus Bahasa Indonesia* (2008:112) juga mempunyai dua pengertian. Pertama, pengaruh buruk dari orang mati, atau binatang yang terkorban, atau dari pohon keramat. Kedua, kelakuan yang luar biasa mirip haiwan dan sebagainya yang diperoleh saat dilahirkan. Sehubungan dengan itu, istilah kenan sinonim dengan *badi*, namun penggunaan istilah *badi* lebih umum daripada kenan. Ini kerana *badi* turut merangkumi elemen bukan haiwan seperti pokok.

### **PANTANG LARANG BERKAITAN KENAN DALAM MASYARAKAT MELAYU**

Terdapat pelbagai pantang larang dalam masyarakat Melayu, yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan serta berbagai-bagai peringkat usia manusia, sama ada dari dalam kandungan, ketika lahir hingga kematian. Pantang larang masyarakat Melayu berkaitan isu kenan adalah:

- i. Wanita mengandung dilarang mencaci atau bercerita mengenai seseorang yang cacat kepada orang lain, atau tidak digalakkkan melihat orang cacat. Jika tidak, anak yang bakal dilahirkan juga akan cacat anggotanya atau terkena kenan (Mohtar Mohd Dom, 1977: 8).

- ii. Tidak dibenarkan mencerca atau melihat sesuatu yang ganjal kerana dikhuatiri kenan.
- iii. Ibu bapa tidak boleh menyiat telinga lembu atau kerbau untuk dibuat tanda. Di katakan, dengan berbuat demikian, anak yang bakal lahir akan lahir dengan tidak sempurna atau cacat.
- iv. Suami tidak boleh mencucuk sesuatu kerana kononnya anak itu akan lahir dengan bibir sumbing atau terkena kenan.
- v. Wanita yang bakal menjadi ibu tidak dibenarkan memaki, memahat, mengail atau menyembelih ayam, atau binatang ternakan lain. Jika tidak, anak yang bakal lahir mungkin bibir terbelah atau mendapat kecacatan lain pada anggotanya.
- vi. Ibu bapa juga dilarang menyembelih binatang-binatang ternakan, apa lagi memburu. Kalau tidak, anaknya akan dilahirkan cacat atau hidungnya berdarah dan mempunyai perangai seperti haiwan tersebut.
- vii. Ibu mengandung juga tidak boleh melangkah atau memijak anjing ataupun kucing yang sedang tidur. Ini kononnya akan menyebabkan mata anaknya tertutup seperti mata anjing atau kucing yang sedang tidur itu.
- viii. Keluarga atau orang yang mengandung tidak boleh menyeka atau membunuh binatang. Ibu yang mengandung juga tidak boleh terperanjat atau mengenangkan sesuatu benda keterlaluan. Sekiranya ini terjadi, anak dalam kandungan akan terkena kenan atau cacat.
- ix. Orang yang mengandung kalau mengikuti betul-betul akan pantang yang dikenakan, tidak boleh memotong muncung ikan kononnya kelak anak mereka akan sumbing (Asmad, 1930: 120).
- x. Dilarang juga wanita yang hamil mengingatkan sesuatu berlebih-lebihan, akibatnya nanti anak yang dilahirkan bersifat kenan atau cacat.

Semua pantang larang di atas adalah contoh-contoh pantang larang dalam masyarakat Melayu dalam hal-hal yang berkaitan kenan. Jika diteliti, kebanyakan pantang larang tersebut merujuk kepada perbuatan atau kelakuan ibu atau bapa dalam tempoh mengandung. Sebahagian pantang larang tersebut tujuannya adalah baik dan murni untuk mengelakkan sesuatu terjadi kepada bayi dalam kandungan, di samping menjaga keharmonian alam sekitar tanpa menzalimi makhluk lain.

### **KES-KES KENAN YANG BERLAKU DALAM MASYARAKAT MELAYU**

Dalam masyarakat Melayu di Malaysia mahupun Nusantara, pelbagai jenis kenan dikatakan pernah berlaku. Kenan yang masyhur adalah seperti kenan biawak, kenan ular, kenan monyet dan kenan katak. Terdapat beberapa kisah yang dikaitkan dengan kenan yang telah disiarkan dalam media cetak seperti akhbar Metro, Kosmo, Utusan dan majalah Mastika. Antaranya:

### **Kes 1: Kenan Kucing**

Konsep *kenan kucing* dalam masyarakat Melayu dapat digambarkan jika seseorang bayi mengalami kecacatan pada anak mata. Ini kerana, orang Melayu pada kebiasaannya mempunyai sepasang mata yang berwarna hitam. Oleh itu, jika terdapat kelainan pada anak mata, ia akan dianggap sebagai kenan kucing. Kewujudan seorang kanak Melayu di Kota Kuala Muda, Kedah yang memiliki sepasang mata biru dianggap luar biasa. Ini kerana iris atau anak mata Mohd. Aizat Aiman Mohd. Rizal berwarna biru air laut (Akhbar Kosmo, 2010). Turut terjadi kes yang sama di Samariang. Zulfazli yang berusia 18 bulan didakwa terkena kenan kucing apabila mata hitamnya bertukar menjadi biru selepas dua minggu. Ibunya, Khatijah Kasim, 37 tahun, mendakwa di saat kehamilannya, dia gemar membelai kucing bermata biru (Harian Metro, 2010).

### **Kes 2: Kenan Katak**

Konsep *kenan katak* dalam masyarakat Melayu dapat digambarkan jika seseorang bayi mengalami kecacatan berupa anggota fizikal yang serupa dengan anggota katak sama ada berupa tangan atau kaki. Ini terjadi pada Muhammad Noraiman Kamal yang sudah berusia 10 tahun tetapi masih tidak boleh berdiri dan kakinya membengkok. Keadaannya itu dikaitkan dengan kenan katak. Badannya kecil seakan-akan budak berumur setahun manakala tangannya seperti tidak ada. Apabila dia meniarap tampak persis seperti katak. (Harian Metro, 2010) .

### **Kes 3: Kenan Biawak**

Konsep *kenan biawak* dalam masyarakat Melayu dapat digambarkan jika seseorang bayi itu mempunyai sifat yang sama dengan haiwan tersebut. Dalam kejadian di Perak, seorang bayi yang dilahirkan hanya normal pada waktu siang. Namun pada tiap malam bayi tersebut menangis sehingga ibunya merendamkannya dalam air baru berhenti menangis. Keadaan tersebut berlanjutan selama tujuh bulan sehingga bayi itu meninggal dunia. Kejadian itu didakwa berlaku disebabkan ibunya yang merupakan seorang pekebun, geli dengan seekor biawak, lalu tercangkul kepalanya. Oleh kerana ibunya seolah-olah menyalimi binatang tersebut, anak yang dilahirkan turut memiliki sifat yang sama dengan biawak tersebut (Akhbar Kosmo, 2010).

### **Kes 4: Kenan Ular**

*Kenan ular* dapat digambarkan dengan keadaan kanak-kanak yang tidak boleh makan tumbuhan-tumbuhan menjalar seperti tembikai. Kesannya, akan keluar sisik

pada tubuhnya. Dalam kejadian yang berlaku, diceritakan semasa mengandung, ibu kanak-kanak tersebut terkejut apabila melihat ibunya (nenek yang mudah melatah) ‘bermain’ dengan anak ular ekoran usikan seorang cucunya yang lain. Cucunya telah menyorokkan telur ular yang kemudiannya menetas di dalam tin. Akibat daripada peristiwa itu, tidak semena-mena, bayi yang dikandungi turut mengalami kecacatan. Ia berupa keganjilan pada kulit yang menyerupai seekor ular jika kanak-kanak tersebut memakan tumbuhan yang menjalar. Akhirnya budak lelaki tersebut meninggal dunia pada usia 17 tahun (Akhbar Kosmo, 2010).

Semua contoh kenan mempunyai cerita yang tersendiri dalam pelbagai versi. Ia selari dengan jenis penganiayaan atau kebiasaan ibu mengandung dengan haiwan tertentu. Sekiranya penganiayaan dilakukan terhadap katak, maka kenan kataklah yang akan menimpa bayi yang dikandungi. Begitulah versi-versi cerita lainnya.

## KENAN MENURUT PERSPEKTIF ILMU PERUBATAN

Setiap kenan yang berlaku dalam masyarakat seperti kenan ular, monyet, katak dan sebagainya dikenali sebagai sindrom atau penyakit tertentu yang ganjal dalam ilmu perubatan. Ia hanya terjadi kepada sebahagian orang sahaja yang dikenali sebagai penyakit genetik. Di antara penyakit tersebut adalah:

### 1. *Harlequin type ichthyosis*

*Harlequin type ichthyosis* atau sinonimnya *harlequin ichthyosis*, *ichthyosis congenita*, *keratosis diffusa fetalis* adalah sindrom penyakit kulit yang parah dan hanya berlaku pada bayi yang baru lahir (Rycroft & Robertson, 2002:166). Ciri-ciri *Harlequin* dapat dilihat pada penebalan pada lapisan keratin kulit bayi yang membentuk sisik-sisik tebal kemerah-merahan dan berbentuk seperti berlian. Sisik tebal pada kulit bayi ini sangat membataskan pergerakan bayi malah menyukarkannya untuk bernafas dan makan. Bayi *Harlequin* selalunya tidak dapat bertahan untuk hidup lama. Hal ini kerana rekahan-rekahan pada kulit yang mengeras tersebut memudahkan bakteria atau bahan tercemar menembusi badan seterusnya mengakibatkan jangkitan yang membawa maut. Untuk memanjangkan hayat, bayi *Harlequin* perlu dimasukkan ke dalam *neonatal intensive care unit* dengan segera. Penyakit ini jarang berlaku dan ianya juga tidak cenderung pada mana-mana jantina atau bangsa. Dalam masyarakat Melayu yang mana lazimnya mempercayai kenan, sindrom ini dikenali sebagai *kenan ular*.

### 2. Sindrom *Ambras*

Sindrom *Ambras* dikelaskan sebagai masalah genetik jarang berlaku yang menyaksikan pertumbuhan luar biasa bulu di seluruh tubuh terutama muka dan bahu. Ada dua jenis

sindrom yang berbeza iaitu *generalized hypertrichosis* iaitu yang tumbuh di seluruh tubuh dan *localized hypertrichosis* iaitu yang terhad kepada bahagian tertentu tubuh (Wiedermann & Kunze, 1995:348). Setakat ini masih belum wujud sebarang rawatan khusus terhadap penyakit ini. Masalah ini wujud sejak kelahiran dan berkekalan sepanjang hayat. Penghidap sindrom ini turut dikaitkan dengan masalah gigi. Punca utama kepada penyakit ini ialah masalah kromosom. Ia dikenal pasti sejak zaman pertengahan. Kes sindrom *Ambras* pertama direkodkan adalah Petrus Gonzalez dari Pulau Canary pada tahun 1648 oleh Altrovandus (Sprecher, 2005:100). Dalam masyarakat Melayu, ia turut dikenali sebagai *kenan monyet*.

### ***3. Cleft Lip (bibir sumbing)***

Bibir sumbing atau nama saintifiknya *cleft lip* ialah kelainan pada celah bibir atas yang wujud sejak bayi lahir. Apabila celah yang berada pada bahagian langit-langit rongga mulut (*palate*), kelainan ini disebut *cleft palate*. Pada *cleft palate*, celah akan menghubungkan langit-langit rongga mulut dengan rongga hidung. Ada tiga jenis kelainan *cleft*, iaitu *cleft lip* tanpa disertai *cleft palate*, *cleft palate* tanpa disertai *cleft lip*, *cleft lip* disertai dengan *cleft palate* (Berkowitz, 2006:10-15). Proses terbentuknya kelainan ini bermula sejak minggu awal kehamilan ibu. Saat usia kehamilan ibu mencapai enam minggu, bibir atas dan langit-langit rongga mulut bayi dalam kandungan akan mula terbentuk dari jaringan yang berada di kedua sisi dari lidah dan akan bersatu di tengah. Bila jaringan-jaringan ini gagal bersatu, maka akan terbentuk celah pada bibir atas atau langit-langit rongga mulut. Faktor utama adalah kerana faktor genetik dan faktor lingkungan seperti ubat-ubatan, penyakit atau infeksi yang dideritai ibu saat mengandung. Pengambilan minuman beralkohol atau merokok saat masa kehamilan turut menyumbang kepada penyakit ini. Risiko bayi terkena penyakit ini sangat tinggi pada anak-anak yang memiliki saudara kandung atau ibu bapa yang pernah menghidapi penyakit ini (Grabb, Rosenstein, & Bzoch, 1971: 54). Penyakit ini dikenali dalam masyarakat Melayu sebagai *kenan ikan*.

### ***4. Ocular Albinism***

*Ocular albinism* merupakan satu keadaan yang mana seorang bayi dilahirkan tanpa kebolehan menghasilkan pigmen berwarna bagi kulit dan atau mata. Pesakit yang mengalami penyakit ini mempunyai warna rambut dan kulit yang normal, dan ramai yang memiliki mata normal, namun mereka kehilangan pigmen pada mata (Wolf, Reim & Kirchhof, 2006:98.) Faktor utama penyebab kepada penyakit ini ialah genetik. Selain itu, kerosakan pada gen-gen yang bertanggungjawab untuk sintesis *melanin*. Penyakit albino diturunkan secara *autosomal recessive*. Dalam masyarakat Melayu, ia dikenali sebagai *kenan kucing*.

## 5. Sindrom *Prune Belly*

Sindrom ini digambarkan dengan keadaan fizikal bayi menggambarkan ketiadaan abdomen pada bahagian hadapan. Pesakit sindrom *Prune Belly* biasanya berhadapan dengan tiga masalah utama iaitu otot abdomen bahagian hadapan tiada atau jika ada ia terlalu lembik menyebabkan kulit di bahagian perut berkedut seperti buah prune. Kedua, sebahagian saluran kencingnya abnormal. Terakhir, hampir 95 peratus, zakar kanak-kanak berada dalam abdomen dan tidak turun ke kerandut seperti biasanya (Leslie, 2009:99). Punca berlakunya sindrom ini masih belum diketahuinya. Ada berpendapat ia mungkin disebabkan oleh gangguan dalam proses pembentukan janin. Selain itu, dipercayai juga bahawa sebahagian salur kencing janin yang tersekat menjadikannya sebahagian lagi tidak normal. Ada juga berpandangan ia kemungkinan disebabkan oleh faktor genetik. Pada permulaan rawatannya diberi antibiotik pada salur kencing. Namun apabila ia di tahap kritis, pembedahan akan dijalankan (Belman, King & Kramer, 2002: 29). Sindrom *Prune Belly* dikenali sebagai kenan katak di dalam masyarakat Melayu.

## FAKTOR-FAKTOR LAIN YANG MENYEBABKAN KECACATAN PADA BAYI

Sindrom-sindrom seperti yang dinyatakan di atas merupakan penyebab utama kepada kecacatan yang dialami bayi. Namun, terdapat faktor-faktor lain secara umum yang menyebabkan berlakunya kecacatan terhadap bayi sama ada sewaktu kehamilan atau pun setelah bayi tersebut dilahirkan.

Menurut Parthasarathy (2007:2-6) faktor genetik merupakan punca utama kepada berlakunya kecacatan ini. Ini terbukti daripada sindrom-sindrom yang berlaku pada bayi disebabkan genetik daripada asal usul keluarga tersebut. Tidak dapat dinafikan faktor ini sukar untuk dielak, namun dengan langkah yang berjaga-jaga, para ibu mampu melahirkan zuriat yang sihat.

Begitu juga dengan penyakit atau jangkitan daripada ibu boleh menghasilkan zuriat yang cacat kerana penyakit-penyakit tersebut boleh melepassi halangan plasenta dan boleh mendatangkan masalah semasa kelahiran. *Rubella* (campak Jerman) merupakan salah satu penyakit yang boleh menyebabkan kecacatan janin. Kebiasaannya, kecacatan janin yang teruk terjadi apabila ibu mengandung mendapat jangkitan ini pada minggu ketiga dan keempat. Selain itu, penyakit *Sifilis* (jangkitan daripada hubungan kelamin) ialah penyakit yang berbahaya kepada perkembangan janin. Penyakit ini merosakkan organ bayi apabila ia sudah terbentuk. Kecacatan termasuklah kerosakan mata berbahaya, yang boleh membawa kepada buta mata dan kerosakan kulit (Parthasarathy, 2007: 2-6).

Selain itu, faktor *teratogen* atau agen persekitaran boleh menyebabkan ketidakseimbangan dalam perkembangan normal dan boleh menyebabkan keadaan yang abnormal atau kematian. Faktor yang berkait rapat dengan teratogen termasuklah dadah dan jangkitan, radiasi dan pencemaran (Adele Pillitteri, 2009: 288-292).

Pengambilan alkohol juga memberi kesan terhadap bayi dikandungi. Wanita yang mengambil alkohol secara berlebihan semasa sedang hamil berisiko tinggi untuk mendapat bayi yang mengalami kecacatan yang serius. Kebanyakan daripada bayi-bayi ini menderita penyakit *fetal alcohol syndrome*, penyakit yang merangkumi kepala kecil yang abnormal, otak tidak berkembang, kecacatan mata. Penyakit jantung dan pembentukan muka yang tidak normal. Perkembangan fizikal dan mental kanak-kanak ini juga terbantut.

Bayi turut mengalami kecacatan akibat daripada faktor persekitaran seperti terdedah kepada asap rokok. Ini kerana di dalam asap rokok, ia mengandungi beberapa jenis struktur kimia yang mampu meresap ke dalam janin walaupun ia masih di dalam kandungan. Bahan kimia tersebut mampu mengganggu pembesaran bayi dan menyebabkan keabnormalan pada bayi (Mohd Shahrani Ahmad, 2004:74).

Dos radiasi yang tinggi boleh menyebabkan kecacatan yang serius kepada perkembangan organisme dan boleh menyebabkan kematian janin serta gugur kandungan secara tiba-tiba. Sesetengah kes yang dalam keadaan dos rendah mungkin dapat menyelamatkan nyawa janin tetapi perkembangan mereka akan terganggu disebabkan kecacatan selepas lahir. Contoh yang paling mudah untuk dilihat ialah kelahiran bayi-bayi daripada ibu-ibu yang hamil pasca letusan bom atom di Hiroshima semasa perang dunia kedua. Kebanyakan daripada bayi-bayi yang lahir mempunyai kecacatan fizikal kekal sepanjang hayat (Cote, Lerman & Todres, 2009:460).

## **ANALISIS KEPERCAYAAN KENAN MENURUT PERSPEKTIF HUKUM ISLAM**

Pada dasarnya, persoalan kenan ini tidak pernah dibincangkan sama ada di dalam al-Quran atau pun al-Sunnah. Begitu juga di dalam kitab-kitab fiqh sama ada kitab klasik ataupun kontemporari. Tidak terdapat satu istilah khusus di dalam Islam mengenai persoalan kenan. Ia merupakan satu isu tempatan yang mana hanya wujud dalam tradisi dan kepercayaan masyarakat Melayu. Pengkaji lebih cenderung berpendapat bahawa kepercayaan kenan dalam masyarakat Melayu adalah haram dan tidak wajar diamalkan. Ia bersandarkan kepada beberapa hujah dan alasan. Antaranya;

1. Percaya kepada kenan termasuk dalam hukum syirik. Kepercayaan kepada kenan sehingga menimbulkan ragu-ragu dan membuatkan aktiviti harian tergendala boleh membawa kepada syirik. Ini kerana terdapatnya keyakinan

di dalam hati bahawa terdapat kuasa lain yang dapat mempengaruhi masa depannya sama ada baik atau buruk. Ataupun, berpendapat kecacatan yang dialami bayi disebabkan oleh binatang tersebut. Kepercayaan tersebut jelas membuktikan sikap menyekutukan Allah SWT (Rosmawati Mamat, 1996:61).

Yusuf al-Qaradawi (1987:91) mendefinisikan syirik sebagai menjadikan Allah sekutu dengan sesuatu yang hanya berhak untuk Allah, seperti menjadikan selain dari Allah satu tuhan atau beberapa tuhan lalu disembah atau ditaati atau dipohon pertolongan kepadanya atau mencintai seumpamanya yang mana semua itu tidak layak melainkan kepada Allah SWT sahaja. Sesungguhnya syirik merupakan dosa yang sangat besar dan tidak mendapat keampunan daripada Allah sebagaimana firmanya yang bermaksud:

*Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa orang yang mempersekuatkan Nyanya dengan sesuatu (apajua), dan akan mengampunkan yang lain daripada kesalahan (syirik) itu bagi sesiapa yang dikehendaki Nyanya (menurut peraturan hukum-hukum Nyanya); dan sesiapa yang mempersekuatkan Allah dengan sesuatu (apajua), maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh.*

(al-Quran, *al-Nisa'*: 116)

Syirik dibahagikan kepada dua jenis iaitu syirik *akhbar* (syirik besar) dan syirik *asghar* (syirik kecil) (Ismail Omar, 1999:219-248). Syirik *akhbar* merupakan syirik yang tidak diampunkan Allah bagi sesiapa yang melakukannya dan tidak dimasukkan ke dalam syurga. Ia terbahagi kepada dua iaitu syirik *akbar jali* (jelas dan nyata) dan syirik *akhbar khafi* (tersembunyi). Syirik *akhbar jali* ialah menyembah kepada satu tuhan atau beberapa tuhan di samping Allah, sama ada tuhan tersebut berbentuk benda, haiwan ataupun manusia. Syirik *akhbar khafi* pula ialah memohon perlindungan atau berdoa kepada selain Allah secara tidak langsung seperti meminta doa di tempat-tempat keramat, meramal nasib melalui nujum, yakin kepada kebolehan dukun dalam merawat penyakit, dan sebagainya (Yusuf al-Qaradawi, 1987:91). Kebanyakan manusia kurang jelas dan kadangkala tidak menyedari berlakunya syirik jenis ini kerana ia berlaku secara tidak langsung. Manakala syirik *asghar* pula ialah dosa-dosa besar yang dikhuatiri orang yang melakukan dan yang berterusan melakukannya akan membawa kepada mati dalam keadaan kafir sekiranya tidak mendapat pertolongan dari Allah.

Kepercayaan kepada kenan adalah termasuk dalam syirik *akhbar khafi* kerana ia menyekutukan Allah secara sembunyi dan tidak secara tidak langsung. Rasulullah SAW bersabda mafhumnya:

*"Tiyarah itu syirik, Tiyarah itu syirik*

(Hadis Riwayat Abu Daud)

Hadis ini jelas menunjukkan bahawa kepercayaan sial adalah syirik. Ini termasuklah kepercayaan kenan dalam masyarakat Melayu. Ia dikatakan syirik kerana mereka percaya bahawa yang memberi kemudarat atau kecacatan yang dialami oleh anak tersebut disebabkan oleh badi yang ada pada binatang tersebut.

2. Kaedah *qiyas* hukum percaya kepada *tatayyur* (sial majal). 'Illahnya adalah kerana persamaan dengan kepercayaan sial majal iaitu mengaitkan musibah yang menimpa kepada selain Allah SWT, ramalan bala yang akan datang, dan meyakini musibah berpunca daripada makhluk yang tidak sedikit pun memiliki kuasa mendatangkan manfaat atau mudarat. Seperti contoh, kenan ular yang ada pada bayi disebabkan oleh kesalahan ibu mengandung atau bapa yang menganiayai binatang. Seolah-olah kenan tersebut merupakan satu ketetapan yang akan berlaku disebabkan perbuatan tersebut, bukannya kuasa Allah SWT. Sehubungan itu, istilah *tatayyur* atau *tiyarah* berasal dari perkataan رُيْطَلٌ, iaitu bermakna burung. Menurut kepercayaan orang Arab jahiliah, jika mereka akan mengadakan perjalanan, terlebih dahulu mereka akan melepaskan burung. Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1998: 584-585) menyatakan bahawa orang Arab dahulu suka menerangkan burung jika ingin keluar. Jika ke kanan yang dikenali sebagai *sa'ih*, mereka akan gembira dan perjalanan dibolehkan. Jika ke kiri *barih*, bermakna ia membawa sial dan mereka akan bersedih hati kerana itu petanda musibah akan menimpa lantas mereka akan menangguhkan pemerian.

Syeikh Muhammad bin Salih al-'Uthaimeen menyatakan bahawa *tatayyur* adalah menganggap sial atas apa yang dilihat seperti melihat sesuatu yang menakutkan dan menganggap ia membawa sial atau didengari atau yang diketahui. (Yazid b. Abdul Qadir, 2009:478). Menurut beliau, *tatayyur* menafikan tauhid dari dua segi. Pertama, orang yang percaya kepada sial majal tidak memiliki rasa tawakal kepada Allah dan sentiasa bergantung kepada selain Allah. Kedua, berpaling kepada Allah dan memberi tempat yang tinggi kepada kepercayaan karut marut dalam masyarakat. Mengambil sempena perbuatan inilah maka muncul istilah *tatayyur* atau *tiyarah* yang bermaksud menganggap sial kerana sesuatu. Islam melarang keras *tatayyur* atau *tiyarah*. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Tiyarah itu syirik , tiyarah itu syirik.Tidaklah dari kami(yang terlintas di dalam hatinya perasaan tersebut lantaran kelemahan diri kita sendiri), Tetapi Allah menghapuskananya dengan tawakal."*

(Hadith Riwayat al-Tirmidhi)

*Tiyarah* atau *tatayyur* atau sial majal bukan hanya terbatas pada rasa sedih atau pesimis terhadap burung tetapi juga berkaitan dengan nama-nama

tertentu, ucapan-ucapan tertentu, tempat-tempat tertentu, orang-orang tertentu dan sebagainya. Inilah yang dinamakan *tasya'um* di dalam Islam. *Tasya'um* mempunyai pengertian yang sama dengan *tatayyur*. Namun *tatayyur* lebih menjurus maknanya kepada menganggap sial dengan melihat burung terbang sedangkan penggunaan kalimah *tasya'um* lebih luas yang merangkumi sifat manusia, mendengar kata-kata dan perkhabaran buruk, melihat sesuatu benda dan percaya ia boleh mendatangkan sial kepada seseorang atau sebagainya (Jawad 'Ali, 1970:788). Dalam hal ini, kenan termasuk dalam kategori *tasya'um*.

3. Kepercayaan kenan dikategorikan sebagai '*urf fasid*'. Walaupun ia diamalkan turun temurun dalam masyarakat Melayu, namun bertentangan dengan nass al-Qur'an dan al-Sunnah, ia tetap tertolak. Menurut al-Ghazali (1983:286-293), kebiasaannya '*urf*' ditakrifkan sebagai perkara yang dirasakan mudah dan diterima oleh akal manusia dan oleh tabiatnya yang normal. '*Urf*' sering dirujuk kepada kebiasaan yang dilakukan oleh manusia dan kemudiannya diikuti oleh masyarakat, sama ada dalam bentuk percakapan mahupun perbuatan. Ia dibahagikan kepada '*urf sahih* (benar), dan '*urf fasid* (rosak) (Zaki Sya'ban, 1971:192). Apa pun, '*urf*' yang diterima harus memenuhi beberapa pensyaratan. Antaranya ia tidak bertentangan dengan sumber syarak iaitu al-Quran mahupun al-Sunnah yang sahih, menjadi amalan biasa seluruh negara Islam, dan menjadi amalan berulang-ulang dan diketahui umum (Ahmad Fahmi Abu Sunnah, 2004:105-123).

Jelas, kepercayaan kenan yang diamalkan orang Melayu merupakan salah satu daripada '*urf fasid*'. Ini disebabkan ia bukan sahaja menjelaskan akidah, malah seolah-olah kepercayaan kenan ini menjadi ketakutan kepada ibu mengandung ataupun suaminya, hingga menjelaskan aktiviti harian. Pada hakikatnya, percaya kepada pantang larang yang diamalkan oleh nenek moyang adalah diharuskan jika ia tidak bertentangan dengan syarak. Akan tetapi, jika ia bertentangan dengan syarak seperti kepercayaan kenan, maka ia diharamkan dan tergolong dalam '*urf fasid*'.

4. Sebagaimana yang maklum dalam perbincangan sebelum ini, orang Melayu percaya bahawa kenan atau kecacatan yang dialami bayi merupakan *asbab musabab* perbuatan yang dilakukan oleh ibu mengandung atau suaminya adalah tidak wajar. Seolah-olah ia satu perkara yang pelik, ibu bapa yang menzalimi binatang namun, anak yang bakal lahir menghadapinya. Sedangkan jelas di dalam al-Quran, Allah berfirman yang bermaksud:

*Dan tiadalah (kejahatan) yang diusahaikan oleh tiap-tiap seorang melainkan orang itulah sahaja yang menanggung dosanya; dan*

*seseorang yang boleh memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja)*

(al-Quran, al-An'am :164)

Ayat di atas jelas menyatakan bahawa setiap perbuatan dosa seseorang dirinya sendiri yang bertanggungjawab. Bukananya ditanggung oleh orang lain. Kezaliman yang dilakukan oleh ibu mengandung bukannya Allah kenakan pembalasan pada anak. Sekiranya ia berlaku harus diketahui bahawa itu semua merupakan *sunnatullah*, bukannya disebabkan oleh badi pada binatang tersebut. Jika orang Melayu mempercayai bahawa kecacatan yang dialami bayi disebabkan perbuatan zalim pada binatang tersebut, maka secara tidak langsung, ia turut memperlihatkan bahawa orang Melayu seolah-olah percaya binatang tersebut yang memberi kecacatan atau mudarat. Pandangan ini merupakan pandangan yang salah dan wajar untuk dielakkan.

Menurut Zahari Mahad Musa (2010:18) memang tidak dinafikan bahawa, jika manusia menzalimi binatang, Allah akan membalaunya kerana jelas dan nyata perundangan Islam menetapkan pendirian yang jelas dalam memelihara haiwan dan berinteraksi dengannya. Jelasnya, kedudukan haiwan diberi sedikit keistimewaan berbanding ciptaan makhluk yang lain dalam alam ini. Kelompok haiwan adalah hampir dengan manusia kerana ia merupakan sebahagian makhluk bernyawa yang mempunyai roh. Keunikan ini menyebabkan ia mempunyai deria rasa dan memiliki perasaan yang tersendiri sesuai dengan kejadian masing-masing (Farh ibn Taha Farh 'Ali Taha, 2003:49-52). Sebarang bentuk tindakan yang menganiaya hak-hak haiwan adalah satu kezaliman dan perlu ditegah.

Oleh itu, al-Quran dan al-Sunnah menerangkan bahawa haram berlaku zalim kepada binatang. Tetapi itu tidak bermakna bahawa haiwan yang dizalimi itu boleh membawa badi kepada si pelakunya sepetimana yang ada dalam kepercayaan kenan dalam masyarakat orang Melayu. Justeru, percaya kepada kenan benar-benar berlaku disebabkan kezaliman pada binatang adalah kepercayaan yang salah dan tidak benar di sisi Islam.

## PENDEKATAN ISLAM DALAM ISU KENAN

Semua kes kenan yang berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu pada hakikatnya memang ada dan benar-benar berlaku. Namun, ia merupakan satu perkara yang tidak berdiri di atas landasan pengetahuan apa yang sebenarnya berlaku. Ia hanyalah anggapan yang lemah dan mempercayai dugaan atau *wahm* (keraguan) semata. Sedangkan *wahm* menurut ilmu usul fiqh ialah pengetahuan tentang sesuatu di mana peratus kemungkinan lebih kepada pendapat yang lemah. Dalam hal ini, Muhammad

Salih al-Uthaimin menyatakan dalam pengajian Usul al-Fiqh, ilmu pengetahuan terbahagi kepada enam bahagian iaitu (Muhammad Salih al-Uthaimin, 2009:21).

1. *al-Ilm* iaitu pengetahuan tentang suatu dalam bentuk sebenar dan pasti.
2. *Al-Jahl al-Basit* iaitu tidak mempunyai pengetahuan sama sekali.
3. *Al-Jahl al-Murakkab* iaitu pengetahuan tentang sesuatu dalam bentuk yang tidak benar.
4. *Al-Zan* iaitu pengetahuan tentang suatu di mana peratus kemungkinan kepada pendapat yang lebih kuat.
5. *Al-Wahm* iaitu pengetahuan tentang sesuatu di mana peratus kemungkinan lebih kepada pendapat yang lebih lemah.
6. *Al-Syak* iaitu pengetahuan tentang sesuatu di mana peratus kemungkinan sama rata kepada dua pendapat.

Justeru itu, kenan tidaklah boleh dikaitkan dengan perbuatan melanggar pantang larang, membunuh atau menyeksa binatang dan sebagainya. Ianya merupakan satu *sunnatullah*, ketetapan yang Allah takdirkan dan boleh berlaku kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki. Di dalam Islam, pantang larang bukanlah suatu amalan yang terus ditolak di dalam agama tanpa melihat dari pelbagai perspektif, misalnya seperti melihat dari sudut latar belakang dan fenomena sosial orang Melayu. Dalam menangani hal ini, Islam melihat kepada latar belakang pengaruh pantang larang itu sendiri sama ada ia wujud daripada fahaman animisme atau Islam. Pantang larang yang boleh membawa kepada kebaikan dan membina peribadi seseorang tidak harus diketepikan. Contoh pantang larang yang tidak ditegah syarak kerana ada kebaikan dan kemaslahatan padanya seperti pantang larang dilarang duduk atas bantal kerana dipercayai seseorang itu mendapat penyakit bisul di punggungnya. Dalam hal ini, ia sebenarnya bertujuan untuk mendisiplinkan diri supaya lebih beradab kerana telah menjadi sunnah bantal tidak sesuai diletakkan di kepala kerana lazimnya bantal digunakan sebagai tempat letak anggota mulia iaitu kepala (Jawiah Dakir, 2010:162-163). Namun, jika pantang larang tersebut wujud ekoran daripada kepercayaan Melayu purba yang berkait rapat dengan animisme (Syed Alwi Syed al-Hadi, 1986:17) seperti kepercayaan kepada semangat, jin, hantu dan syaitan atau sebagainya seperti yang berlaku dalam pantang larang kepercayaan kepada kenan, maka ia wajar ditolak berdasarkan analisis dari perspektif hukum Islam.

Dalam menangani masalah dalam isu kenan, pengkaji berpendapat bahawa soal penjagaan kesihatan ibu hamil dari aspek rohani dan juga jasmani merupakan faktor utama menyumbang kecacatan pada bayi. Ini dibuktikan melalui penulisan yang dilakukan oleh Fatimah Omar (1996: 25-30) yang menolak andaian kenan berlaku disebabkan melanggar pantang larang di samping para ibu perlu menekankan soal penjagaan kesihatan dari aspek rohani dan jasmani untuk mengelak sebarang keburukan pada bayi yang bakal lahir. Fakta ini juga disokong oleh bukti saintifik

yang dinyatakan sebelum ini. Kejadian kenan yang menimpa bayi sebenarnya ada *asbab musabab*. *Asbab* yang paling jelas sebenarnya berpunca daripada soal penjagaan ibu terhadap kandungan sama ada dari aspek rohani mahupun jasmani.

Oleh itu, jelas bahawa kecacatan yang dialami bayi sebenarnya tidak ada kaitan dengan pelanggaran kepada pantang larang. Tetapi ia disebabkan oleh kelakuan ibu mengandung sendiri. Justeru, sebagai langkah penyelesaian, para ibu hendaklah menjaga kesihatan jasmani dan rohaninya. Antara kaedah merawat kesihatan jasmani ialah dengan cara sentiasa memeriksa badan kepada doktor, melaksanakan senaman hamil, melaksanakan solat secara teratur, dan menjaga kebersihan badan. Manakala menjaga kesihatan rohani pula ialah dengan cara bersifat ikhlas dan syukur kepada Allah SWT, bersifat tawakkal padanya, bersifat optimis dengan qada dan qadar Allah SWT, memperbanyak membaca ayat-ayat suci al-Quran dan sebagainya. Pendek kata, ini semua adalah cara untuk mengelakkan anak mengalami kecacatan sepertimana yang dipercayai dalam masyarakat Melayu sebagai kenan. Hakikatnya, punca kecacatan bayi yang dialami seperti kulit bersisik, wajah seperti monyet dan sebagainya bukan disebabkan melanggar pantang larang tetapi punca yang dikenal pasti ialah kegagalan ibu mengandung menjaga kandungan ketika tempoh kehamilan.

## KESIMPULAN

Bayi *Harlequin* (kenan ular), bayi *Cleft Left* (kenan ikan), bayi Sindrom *Ambras* (kenan monyet atau serigala), bayi *Ocular Albinism* (kenan kucing), bayi Sindrom *Prune Belly* (kenan katak) merupakan istilah-istilah kenan yang wujud dalam masyarakat Melayu. Hakikatnya, kesemua contoh kenan di atas merupakan sejenis sindrom dalam ilmu perubatan yang disebabkan faktor-faktor tertentu. Sesetengah masyarakat yang masih dibelenggu fahaman animisme dan khurafat kerap mengaitkan kejadian-kejadian ganjil seperti ini dengan sumpahan, buatan orang, jin atau syaitan, kenan atau lainnya.

Jelas dan nyata bahawa percaya kepada kenan merupakan salah satu bentuk kepercayaan yang boleh membawa kepada syirik. Dengan status hukumnya yang syirik, perbuatan menzalimi binatang turut ditegah dan dilarang dalam syariat Islam kerana mereka sebahagian daripada makhluk Allah. Sewajarnya, perbuatan zalim tersebut tidak boleh dikaitkan dengan kenan. Selari dengan itu juga, para ibu yang mengandung atau suaminya khususnya dan manusia umumnya, harus menjaga adab dalam berinteraksi dengan makhluk lain sama ada ketika hamil atau tidak. Ini kerana walaupun manusia ditaklifkan sebagai khalifah Allah untuk mentadbir dan memakmurkan alam ini, namun mereka tidak boleh mengeksplorasi semuanya secara sewenang-wenangnya kerana makhluk lain juga mempunyai hak untuk turut hidup bersama di alam ini secara harmonis.

## BIBLIOGRAFI

- A. Aziz Deraman & Wan Ramli Wan Mohamad. (1995). *Adat dan pantang-larang orang Melayu*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti.
- Abu Sunnah, Ahmad Fahmi. (2004). *al-'Urf wa al-'Adah fi Rayi al-Fuqaha'*. Kaherah: Dar al-Basa'ir.
- Ahmad Redzuwan Yunus. (2008). Memahami budaya memperkasakan Dakwah: Tumpuan terhadap pantang larang Melayu-Asli di Malaysia, Kertas kerja Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-11 pada 21-23 November 2007 di Kuala Lumpur. Kuala Lumpur: PTS Publications.
- Al-Bukhari, Muhammad Ismail Abu 'Abdullah al-Bukhari al-Ja'fi. (1999). *Sahih al-Bukhari*. Riyadh: Maktabah Darul Salam Li Nasyri wa al-Tawzi.
- Al-Ghazali. (1983). *Al-Mustasfa*. Beirut: Dar al-kutub al-'Ilmiyyah.
- Aminah Haji Noor. (1999). *Rahsia, petua, dan rawatan semasa hamil dan dalam pantang*. Selangor: Pustaka Ilmu.
- Amran Kasimin. (1995). *Penjagaan bayi dan ibu dalam pantang*. Kuala Lumpur: Dinie Publishers.
- Anis Barakbah. (2007). *Ensiklopedia perbidanan Melayu*, Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Asmad. (1930). *Kesenian adat, kepercayaan dan petua*. Melaka: Associated Educational.
- Basri Ibrahim. (2009). *Isu-isu fiqh halal dan haram semasa*, Selangor; al-Hidayah Publication
- Belman, A. B., King, L. R. & Kramer, S. A. (2002). *Clinical pediatric urology*, London: Martin Dunitz Ltd.
- Berkowitz, S. (2006), *Cleft lip & palate*. Berlin, Heidelberg: Springer-Verlag.
- Coté, C.J., Lerman, J. & Todres, I.D. (2009), *A practice of anesthesia for infants and children*. Philadelphia: Saunders Elsevier.

- Farh ibn Taha Farh Ali Taha. (2003). *Al-Rifq bi al-Hayawan fi al-Islam*. Amman: Dar Wail.
- Fatimah Haji Omar. (1996). *Petua melahirkan dan panduan mendidik zuriat cemerlang*. Johor Baharu: Perniagaan Jahabersa.
- Grabb, W. C., Rosenstein, S. W. & Bzoch, K. R. (1971). *Cleft lip & palate: Surgical, dental, and speech aspects*. Boston: Little Brown.
- Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah. (t.t.), *Miftah Dar al-Sa‘adah*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ismail Omar. (1999). *Manhaj Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Selangor: Acces Infotech.
- Jawad ‘Ali. (1970). *Al-Fasl fi Tarikh al-‘Arab Qabla al-Islam*. Beirut: Dar al-‘Ilmi li al-Malayin.
- Jawiah Dakir. (2010). *Sunnah dan bid‘ah dalam amalan orang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Bahasa Indonesia. (2008). Jakarta: Pusat Bahasa, Departmen Pendidikan Nasional.
- Kamus Dewan. (4th ed.). (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leslie, S.W. (2009), *Urology board review*. New York: McGraw-Hill.
- Mohd Shahrani Ahmad. (2004). *Psikologi kanak-kanak*, Selangor: PTS.
- Mohtar Mohd Dom. (1977). *Kepercayaan dan pantang larang*. Selangor: Federal Publications.
- Parthasarathy (2007), *Partha's fundamentals of pediatrics*. New Delhi, India: Jaypee Brothers Medical Publisher (P) Ltd.
- Pillitteri, A. (2009). *Maternal & child health nursing: Care of the childbearing & childrearing family*. Baltimore, Md.: Lippincott Williams & Wilkins.
- Yusuf al-Qaradhawi. (1987). *Pengertian tauhid*, (Terj), Abdul Majid Abdullah, Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

- Rycroft, R.J.G. & Robertson, S.J. (2002). *A colour handbook of dermatology*. New York: Thieme.
- Skeat, W.W. (1984). *Malay magic: Being an introduction to the folklore and popular religion of the Malay Peninsula*. Singapore: Oxford University Press.
- Sprecher, E. (2005). *Progress in monogenic hair disorders*. New York: Nova Science Publisher.
- Syed Alwi Syed al-Hadi. (1986). *Adat resam dan adat istiadat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Ramli Wan Muhammad & Hanapi Dolah. (1999). *Pantang larang orang Melayu tradisional*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Wiedermann, H.R. & Kunze, J. (1995). *Clinical syndrome*. London: Mosby Wolfe.
- Winstedt, R. O. (1925). *Shaman, saiva & sufi: A study of the evolution of Malay magic*. London: Constable.
- Wolf, S., Reim, M. & Kirchhof, B. (2006). *The ocular fundus from findings to diagnosis: 23 Tables*. New York: Stuttgart New York Thieme.
- Yazid b. Abdul Qadir. (2009). *Syarah Aqidah Ahlus Sunnah wal Jamaah*. Bogor: Pustaka Imam Syafie.
- Zahari Mahad Musa. (2010). Fiqh al-Biah: Prinsip interaksi manusia dengan alam sekitar, *Jurnal Syariah*. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Islam.
- Zaki Sya'ban. (1971). *Usul al-Fiqh al-Islami*. (t.p.): Lubnan.
- Kenan haiwan, rahsia budak mata biru. (2010, 2 Mei). Akhbar Kosmo. Diperoleh dari [www.kosmo.com.my](http://www.kosmo.com.my).
- Kenan, Kebenaran atau Kebetulan. (2013, 28 Mac). Utusan Online. Diperoleh dari <http://www.utusan.com.my>.
- Pelik tapi benar, mata biru kenan kucing. (2010, 8 Jun). Harian Metro. Diperoleh dari [www.hmetro.com.my](http://www.hmetro.com.my).